



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 12, 14, 17 & 18
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING
SARAWAK

Telefon : 082-313545
Faksimili : 082-441676
Laman Web : <https://sfs.sarawak.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SFS/00021/4 SFS Circulars (B)(16)

Tarikh : 17 November 2025

Kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen

YBhg. Datu/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK
Bil. 19 /2025

PENUTUPAN AKAUN AWAM NEGERI 2025 : PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2025

A. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan dan mengingatkan semua Pegawai Pengawal, Pemegang Waran dan semua Ketua PTJ yang terlibat dengan penyenggaraan akaun jabatan berkaitan tarikh-tarikh penting penyerahan dokumen kewangan kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri bagi urusan permohonan peruntukan tambahan (melalui *virement* dan/atau *supplementary*) selaras dengan Penutupan Akaun Awam Negeri Tahun Kewangan 2025.

B. LATARBELAKANG

1. Pekeliling ini adalah lanjutan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan No. PP: 02/2025 bertarikh 4 November 2025 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri berhubung Penutupan Akaun Awam Negeri Sarawak Tahun Kewangan 2025.

2. Berhubung dengan penutupan akaun tahun 2025, pihak YBhg. Datu/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa tarikh akhir pembayaran bagi perbelanjaan yang dicaj ke tahun kewangan 2025 dan baucar jurnal pelarasan termasuk yang diluluskan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) adalah pada 29 Disember 2025 (Isnin).

C. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL ATAU KETUA JABATAN

3. Semua Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah diminta untuk memastikan semua akaun di bawah kawalannya adalah teratur dan dikemaskini. Selaras dengan tanggungjawab seperti yang dinyatakan di bawah **Arahan Perbendaharaan 54**, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan tidak ada perbelanjaan yang melebihi peruntukan.

4. Pegawai Pengawal dan semua Ketua PTJ juga diingatkan untuk mengambil perhatian ke atas perkara-perkara berikut:-

- (a) Segala komitmen dan perbelanjaan yang dibuat pada tahun 2025 hendaklah dibayar menggunakan peruntukan yang diluluskan pada tahun 2025.
- (b) Memastikan baki peruntukan mencukupi bagi menampung perbelanjaan termasuk bayaran pukal sehingga bulan Disember 2025 dan perbelanjaan tidak boleh melebihi peruntukan yang diluluskan. Peruntukan yang diluluskan adalah termasuk peruntukan tambahan melalui *virement* dan/atau *supplementary*.
- (c) Memastikan semua bil dan tuntutan berkaitan perolehan yang telah diterima/dilaksanakan sempurna pada tahun 2025 hendaklah dikemukakan dengan segera dan dibayar tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna selaras dengan **Arahan Perbendaharaan 103(a)**.

5. Selaras dengan tarikh penutupan akaun tahun kewangan 2025, maka semua permohonan peruntukan tambahan yang lengkap sama ada melalui *virement* dan/atau *supplementary* harus dikemukakan secara *on-line* dengan *hardcopy* permohonan tersebut perlu sampai ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (Bahagian Belanjawan) seperti pada tarikh berikut:-

Perkara		Tarikh Akhir Diterima Bahagian Belanjawan
A	Permohonan peruntukan tambahan melalui <i>virement</i> dan/atau <i>supplementary</i> bagi tujuan pembayaran.	10 Disember 2025 (Rabu)
B	Permohonan peruntukan tambahan melalui <i>virement</i> dan/atau <i>supplementary</i> bagi tujuan penyelarasan emolumen dan akaun Pukal termasuk Baucar Jurnal.	17 Disember 2025 (Rabu)

6. Permohonan peruntukan tambahan tersebut hendaklah mengambil kira semua komitmen dan tuntutan yang telah dibuat sebelum tarikh akhir permohonan viremen atau *supplementary* diterima.

Sekian. Terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



(DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR)
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak